



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN ISNIN, 17 MAC 2025



# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



17/3/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	<b>KPWKM PUJI USAHA SARAWAK KEMAS KINI SENARAI E-KASIH DEMI KESEJAHTERAAN RAKYAT</b>		<b>POSITIF</b>
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/03/1373293/kpwkm-puji-usaha-sarawak-kemas-kini-senarai-e-kasih-demi">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/03/1373293/kpwkm-puji-usaha-sarawak-kemas-kini-senarai-e-kasih-demi</a>	BHARIAN.COM.MY	
	<a href="https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2402888">https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2402888</a>	BERNAMA.COM	
	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=2UqBtNTwGaQ">https://www.youtube.com/watch?v=2UqBtNTwGaQ</a>	YOUTUBE	
	<a href="https://www.bernama.com/tv/news.php?id=2402896">https://www.bernama.com/tv/news.php?id=2402896</a>	BERNAMA.COM	
	<a href="https://www.tvsarawak.my/2025/03/16/inisiatif-kerajaan-sarawak-kemas-kini-senarai-keluarga-miskin-beri-kesan-positif/">https://www.tvsarawak.my/2025/03/16/inisiatif-kerajaan-sarawak-kemas-kini-senarai-keluarga-miskin-beri-kesan-positif/</a>	TVSARAWAK.MY	
	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=YgnO5WE-Oc8">https://www.youtube.com/watch?v=YgnO5WE-Oc8</a>	YOUTUBE	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	<b>NANCY CALLS FOR REVIEW OF SARAWAK'S POVERTY MEASUREMENT FOR ACCURATE DATA</b>		<b>POSITIF</b>
	<a href="https://www.theborneopost.com/2025/03/16/nancy-calls-for-review-of-sarawaks-poverty-measurement-for-accurate-data/">https://www.theborneopost.com/2025/03/16/nancy-calls-for-review-of-sarawaks-poverty-measurement-for-accurate-data/</a>	THEBORNEOPOST.COM	
	<a href="https://www.utusanborneo.com.my/2025/03/16/pengukuran-kadar-kemiskinan-wajar-dikaji-semula">https://www.utusanborneo.com.my/2025/03/16/pengukuran-kadar-kemiskinan-wajar-dikaji-semula</a>	UTUSANBORNEO.COM.MY	
	<a href="https://www.sarawaktribune.com/nancy-calls-for-restructuring-of-poverty-measurement-system/">https://www.sarawaktribune.com/nancy-calls-for-restructuring-of-poverty-measurement-system/</a>	SARAWAKTRIBUNE.COM	
	<a href="https://daykdaily.com/minister-calls-for-review-of-swaks-poverty-measurement-to-ensure-effective-targeted-aid/">https://daykdaily.com/minister-calls-for-review-of-swaks-poverty-measurement-to-ensure-effective-targeted-aid/</a>	DAYAKDAILY.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	<b>TG EMBANG LANDOWNERS ADVISED TO RECONSIDER SELLING AMID NEW AIRPORT DEVT</b>		<b>POSITIF</b>
	<a href="https://www.theborneopost.com/2025/03/16/tg-embang-landowners-advised-to-reconsider-selling-amid-new-airport-devt/">https://www.theborneopost.com/2025/03/16/tg-embang-landowners-advised-to-reconsider-selling-amid-new-airport-devt/</a>	THEBORNEOPOST.COM	
	<a href="https://www.tvsarawak.my/2025/03/16/jangan-tergesa-gesa-jual-tanah-di-tanjung-embang/">https://www.tvsarawak.my/2025/03/16/jangan-tergesa-gesa-jual-tanah-di-tanjung-embang/</a>	TVSARAWAK.MY	

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



17/3/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	<b>150 ANAK ASNAF TERIMA BAUCAR BELI KEPERLUAN RAYA</b>		<b>POSITIF</b>
	<a href="https://www.tvsarawak.my/2025/03/16/150-anak-asnaf-terima-baucar-beli-keperluan-roya/">https://www.tvsarawak.my/2025/03/16/150-anak-asnaf-terima-baucar-beli-keperluan-roya/</a>	TVSARAWAK.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	<b>ELDER FINANCIAL ABUSE AND NEGLECT ON THE RISE</b>		<b>NEUTRAL</b>
	<a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/03/16/elder-financial-abuse-and-neglect-on-the-rise">https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/03/16/elder-financial-abuse-and-neglect-on-the-rise</a>	THESTAR.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	<b>THE CONTINUING FIGHT AGAINST GENDER-BASED VIOLENCE</b>		<b>POSITIF</b>
	<a href="https://aliran.com/web-specials/the-continuing-fight-against-gender-based-violence">https://aliran.com/web-specials/the-continuing-fight-against-gender-based-violence</a>	ALIRAN.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
7	<b>883 TASKA BERDAFTAR DENGAN JKM KEMBALI BEROPERASI</b>		<b>POSITIF</b>
	<a href="https://www.melakahariini.my/883-taska-berdaftar-dengan-jkm-kembali-beroperasi/">https://www.melakahariini.my/883-taska-berdaftar-dengan-jkm-kembali-beroperasi/</a>	MELAKAHARIINI.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
8	<b>WUJUDKAN SURUHANJAYA KESELAMATAN DALAM TALIAN, LINDUNGI KANAK-KANAK</b>		<b>POSITIF</b>
	<a href="https://www.bharian.com.my/rencana/minda-pembaca/2025/03/1373191/wujudkan-suruhanjaya-keselamatan-dalam-talian-lindungi-kanak">https://www.bharian.com.my/rencana/minda-pembaca/2025/03/1373191/wujudkan-suruhanjaya-keselamatan-dalam-talian-lindungi-kanak</a>	BHARIAN.COM.MY	

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



17/3/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
9	MANGSA TANAH RUNTUH MASIH MENANTI BANTUAN KEWANGAN NADMA		NEUTRAL
	<a href="https://www.utusanborneo.com.my/2025/03/16/mangsa-tanah-runtu-masih-menanti-bantuan-kewangan-nadma">https://www.utusanborneo.com.my/2025/03/16/mangsa-tanah-runtu-masih-menanti-bantuan-kewangan-nadma</a>	UTUSANBORNEO.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
10	WANITA DITINGGALKAN SUAMI SELEPAS DERITA KANSER PAYUDARA, TAK MAMPU BEKERJA SARA DUA ANAK		NEGATIF
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/717997/edisi/utara/wanita-ditinggalkan-suami-selepas-derita-kanser-payudara-tak-mampu-bekerja-sara-dua-anak">https://www.sinarharian.com.my/article/717997/edisi/utara/wanita-ditinggalkan-suami-selepas-derita-kanser-payudara-tak-mampu-bekerja-sara-dua-anak</a>	SINARHARIAN.COM.MY	

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : PENGUKURAN KADAR KEMISKINAN WAJAR DIKAJI

HARI : ISNIN

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 17 MAC 2025

M/SURAT : 01&02

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWK

## Pengukuran kadar kemiskinan wajar dikaji

Oleh Marlinda Mardzuki

**KUCHING:** Pengukuran kadar kemiskinan di Sarawak wajar dikaji semula bagi memastikan data yang lebih tepat dalam mencerminkan keadaan sebenar sosioekonomi rakyat negeri ini.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Dato Sri Nancy Shukri berkata, data dalam Sistem Bank Data Kemiskinan Nasional (eKasih) mungkin tidak menggambarkan status terkini individu yang berdaftar.

"Kalau dahulu, mungkin ramai rakyat yang hendak mendaftar eKasih kerana sistem ini memberi peluang kepada mereka untuk menerima pelbagai bantuan kerajaan.

"Namun ada individu yang mungkin tidak lagi tergolong dalam kategori miskin tetapi masih berdaftar di bawah sistem tersebut.

"Jadi, inilah yang kita mahu elakkan kerana ia memberikan gambaran yang tidak tepat mengenai rakyat kita, bukan sahaja di Sarawak tetapi juga di seluruh Malaysia," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada perasmian Program Juh Shopping Raya bersama Persatuan Pengimport dan Peniaga Kenderaan Melayu Malaysia (PEKEMA) Sarawak di Mydin Hypermarket Vista Tunku, Petra Jaya di sini, semalam.

Sehubungan itu, Nancy memuji langkah proaktif Kerajaan Sarawak yang menjalankan kajian semula terhadap sistem tersebut bagi memastikan hanya mereka yang benar-benar layak menerima bantuan kerajaan.

"Usaha ini amat baik dan wajar kerana Kerajaan Sarawak telah banyak menyediakan manfaat untuk rakyatnya," tambah beliau.

Menurutnya, kerajaan sentiasa berusaha meningkatkan taraf hidup



**BELI-BELAH:** Nancy ditemani Ismail (tiga kiri) menyantuni anak-anak asnaf ketika memilih baju raya pada Program Juh Shopping Raya bersama PEKEMA Sarawak di Mydin Hypermarket Vista Tunku, Petra Jaya semalam. —Gustaf Hapteen/Enraser

### ● Ia bagi memastikan data yang lebih tepat dalam mencerminkan keadaan sebenar sosioekonomi rakyat negeri ini

rakyat melalui pelbagai inisiatif di peringkat negeri dan persekutuan.

"Perdana Menteri telah menyatakan matlamat negara adalah untuk mencapai sifar kemiskinan tegar.

"Namun, untuk merealisasikan matlamat ini usaha yang berterusan dan kukuh diperlukan.

"Sebab itu, kita berharap perkara ini dapat diselesaikan dengan segera,"

katanya.

Sebelum ini, Menteri Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan Dato Sri Abdul Karim Rahman Hamzah mengakui bahawa data eKasih mempunyai kelemahan tersendiri, disebabkan itu kerajaan perlu menilai semula kaedah daripada data berkenaan.

Tegasnya, kaedah mengukur kadar kemiskinan sebuah negeri berbeza dan tidak boleh bergantung sepenuhnya kepada data eKasih.



## Pengukuran kadar kemiskinan wajar dikaji

Dari Muka 1

Mengenai program Juh Shopping Raya, Nancy berkata, program itu telah dijalankan selama empat tahun dengan kerjasama Yayasan PEKEMA.

Menurutnya, sejumlah RM200 diberikan kepada

150 penerima daripada anak-anak asnaf untuk membolehkan mereka membeli keperluan Hari Raya Aidilfitri, sekali gus meringankan beban kewangan golongan kurang berkemampuan.

Beliau turut berharap agar lebih banyak pihak – sama

ada syarikat, usahawan atau individu akan turut serta dalam usaha yang dilakukan oleh PEKEMA Sarawak.

Hadir sama Presiden PEKEMA Sarawak Dato Ismail Abang Saufi, Timbalan Presiden PEKEMA Sarawak Tapah Ata serta tetamu kehormat lain.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : NANCY: REVIEW SARAWAK'S POVERTY MEASUREMENT FOR ACCURATE DATA

HARI : ISNIN

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 17 MAC 2025

M/SURAT : 01

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWK



Nancy helps a young boy try on a Baju Melayu during the programme, while Ismail (third right) and others look on. — Photo by Roystein Emmor

## Nancy: Review Sarawak's poverty measurement for accurate data



**Marilyn Ten**

[marilyn@theborneopost.com](mailto:marilyn@theborneopost.com)

**KUCHING:** The measurement of Sarawak's poverty levels ought to be reviewed again to ensure that there is greater accuracy in reflecting the true socioeconomic realities of the people, said Datuk Seri Nancy Shukri.

The Women, Family and Community Development Minister said the present data under the National Poverty Data Bank System, or eKasih, may not necessarily reflect the latest status of individuals registered under the system.

"In the past, there may have

been a rush to register for eKasih as it provides the people many benefits from the government. But there are individuals who may no longer be considered poor but are still registered under the system.

"That is what we don't want because it gives an inaccurate picture of our people, not only in Sarawak but throughout Malaysia," she said.

She was met after officiating the 'Juh Shopping Raya' programme organised by the Association of Malay Vehicle Importers and Traders of Malaysia (Pekema) Sarawak at Mydin Vista Tunku here yesterday.

Recently, Tourism, Creative Industry and Performing Arts Minister Dato Sri Abdul Karim Rahman Hamzah reiterated the need for the poverty rate

measurement to be restructured.

He said the eKasih data has its limitations and that the government should reassess the approach based on that data.

Nancy commended Sarawak for taking the initiative to conduct its own review, saying this was necessary to ensure that only those eligible can receive government assistance.

"This is indeed a good and noble effort for the people of Sarawak as the Sarawak government has provided many benefits for its people."

She added the government is always trying its best to improve the livelihood of the people.

"We can see the efforts of both the federal and state governments. Our Prime Minister has stated that the goal is to

achieve zero hardcore poverty.

"However, in order to achieve this, it requires strong and continuous efforts from the government and it is an ongoing process. That is why we hope that this matter can be addressed as soon as possible," she said.

On the 'Juh Shopping Raya' programme, Nancy said this initiative has been carried out for the past four years in collaboration with Pekema.

"We have 150 recipients today who will each receive RM200 cash voucher to enable them to purchase some items for their Hari Raya Aidilfitri celebration in efforts to help reduce the burden of the less fortunate," she said.

Also present was Pekema Sarawak president Dato Ismail Abang Saufi.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK :	PEMILIK TANAH DI TANJUNG EMBANG DINASIHATI TIDAK TERPERDAYA TAWARAN PEMBELIAN TANAH		
HARI :	ISNIN	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	17 MAC 2025	M/SURAT :	02
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

## Pemilik tanah di Tanjung Embang dinasihati tidak terperdaya tawaran pembelian tanah

**KUCHING:** Pemilik tanah di kawasan Tanjung Embang dinasihati agar tidak terperdaya dengan tawaran pembelian tanah oleh pihak tertentu yang cuba mengambil kesempatan susulan projek pembinaan lapangan terbang baharu di kawasan tersebut.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Dato Sri Nancy Shukri berkata, penduduk perlu mempertimbangkan kesan jangka panjang sebelum menjual tanah mereka kerana kawasan itu merupakan tapak pembangunan projek kerajaan.

“Kita tidak mahu ada pihak yang mengambil peluang daripada situasi ini sehingga menyebabkan penduduk kampung menjual tanah mereka,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas mer-



**REAKSI:** Nancy ketika ditemui media selepas merasmikan Program Juh Shopping Raya bersama PEKEMA di Mydin Hypermarket Vista Tunku, Petra Jaya semalam. —Gambar Roystein Emmor

asmikan Program Juh Shopping Raya bersama Persatuan Pengimport dan Peniaga Kenderaan Melayu Malaysia (PEKEMA) di Mydin Hypermarket Vista Tunku, Petra Jaya, di sini, semalam.

Nancy yang juga Ahli Parlimen Santubong menegaskan bahawa kerajaan akan memberi pampasan kepada pemilik tanah apabila projek tersebut dilaksanakan.

“Apabila projek kerajaan

dilaksanakan sudah pasti ada ganti rugi yang akan diberikan kepada pemilik tanah yang terlibat.

“Justeru, sebagai Ahli Parlimen di kawasan ini saya nasihatkan penduduk agar bersabar dan tidak terus menjual tanah mereka sekiranya ada pihak yang berminat untuk membeli,” ujarnya.

Menurut beliau, penjualan tanah secara tergesa-gesa boleh menyebabkan pemilik mengalami kerugian apabila nilai tanah meningkat akibat pembangunan yang bakal dijalankan.

“Jika ada pihak yang ingin membeli tanah sekarang, ini bermakna nilai tanah tersebut akan meningkat pada masa akan datang.

“Oleh itu, penduduk perlu menilai dengan teliti sebelum membuat keputusan.

“Jangan kita terus menjual, lepas itu berasa kerugian apa-

bila pembangunan dibawa,” katanya.

Tanjung Embang yang terletak di bawah Dewan Undangan Negeri (DUN) Demak Laut, bakal menjadi lokasi pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching Baharu.

Dengan keluasan meliputi 15,000 hektar, Tanjung Embang mempunyai tujuh kampung iaitu Kampung Beradek, Kampung Semilang, Kampung Beradek Cina, Kampung Tiang Api, Kampung Sungai Pinang, Kampung Sungai Tanju dan Kampung Beliong.

Tanjung Embang juga berdekatan dengan Pusat Komersial Demak Laut dan bandar raya Kuching.

Akses pengangkutan ke pusat bandar dijangka bertambah baik apabila Jambatan Sejangkat ke Tanjung Bako siap kelak.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm

TAJUK :	TG EMBANG LANDOWNERS ADVISED TO RECONSIDER SELLING AMID NEW AIRPORT DEVT		
HARI :	ISNIN	AKHBAR :	THE BORNEO POST
TARIKH :	17 MAC 2025	M/SURAT :	02
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

## Tg Embang landowners advised to reconsider selling amid new airport devt

**KUCHING:** Landowners in Tanjung Embang should think twice before selling their land to buyers looking to take advantage of potential development around the future site of Sarawak's new international airport, said Datuk Seri Nancy Shukri.

The Women, Family and Community Development Minister said they must consider the long-term impact before they decide to sell their land, especially when the area has been identified for a government development project.

"We do not want any parties to exploit this situation to the point where the villagers decide to sell their land," she told reporters here yesterday.

The Santubong MP was met after officiating the 'Juh Shopping Raya' programme organised by the Association of Malay Vehicle Importers and Traders of Malaysia (Pekema) Sarawak at Mydin Vista Tunku here yesterday.

Pekema Sarawak president Dato Ismail Abang Saufi was among those present.

Nancy pointed out that the government would be compensating landowners upon the implementation of the project.

"When a government project is carried out, compensation will



Nancy (second left) and Ismail meet a family on their shopping spree during the 'Juh Shopping Raya' programme. — Photo by Roystein Emmor

definitely be given to the affected landowners.

"As MP for this area, I advise residents to be patients and not to rush into selling their land if they are approach by interested buyers."

She said selling hastily could lead to financial losses, especially as the value of land there is expected to increase due to future development.

"If there are parties interested in buying the land now, this means that the value of the land will increase in the future. As such, residents should carefully evaluate their decisions before selling."

"Do not sell your land now only to regret it later when development takes place."

Tanjung Embang, located under the Demak Laut state

constituency, has been designated as the site for Kuching's new international airport.

Spanning 15,000 hectares, Tanjung Embang consists of seven villages, namely Kampung Beradek, Kampung Semilang, Kampung Beradek Cina, Kampung Tiang Api, Kampung Sungai Pinang, Kampung Sungai Tanju, and Kampung Beliong.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK), Datuk Seri Nancy Shukri menyantuni keluarga asnaf semasa program Juh "Shopping Raya" anjuran PEKEMA di Mydin Petra Jaya di Kuching pada Ahad. Foto: TVS

## 150 anak asnaf terima baucar beli keperluan raya

By TVS #bm, Berita Sarawak March 16, 2025 3:25 PM

KUCHING, 16 Mac: Seramai 150 anak asnaf bagi kumpulan pertama menerima baucar bernilai RM200 untuk membeli keperluan Hari Raya Aidilfitri.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK), Datuk Seri Nancy Shukri, pemberian baucar tersebut adalah di bawah program Juh "Shopping Raya" anjuran Persatuan Pengimport dan Peniaga Kenderaan Melayu Malaysia (PEKEMA) Cawangan Sarawak sebagai usaha untuk memastikan anak asnaf dapat merasai keseronokan Hari Raya.

Menurutnya, usaha bersama PEKEMA itu memberi manfaat kepada keluarga asnaf bagi meringankan beban mereka dalam membeli keperluan beraya anak-anak seperti baju kurung, baju melayu dan songkok.

"Yang ada hari ini adalah 150 anak-anak yang diberi baucar RM200 seorang dan ada yang bukan anak seorang saja tapi ada tiga orang.

"Jadi kita dapat meringankan beban keluarga iaitu sekurang-kurangnya mereka dapat menikmati Hari Raya seperti mana kanak-kanak lain," katanya semasa ditemui media selepas program Juh "Shopping Raya" anjuran PEKEMA di Mydin Petra Jaya di Kuching pada Ahad.

Sementara itu, Suri Rumah, Nur Mira Boniman meluahkan rasa syukur menjadi salah seorang keluarga terpilih dalam program tersebut dan ia sangat membantu dalam meringankan beban pembelian baju raya anak-anak.

Katanya, pemberian baucar tersebut adalah rezeki anak-anak pada bulan Ramadan setelah pemergian suaminya baru-baru ini.

"Memang membantu mengurangkan beban dalam perbelanjaan terutama untuk anak-anak.

"Suami baru meninggal dan ini baru lepas makan 20 hari, alhamdulillah dapat rezeki anak-anak kami," ujarnya.

Bagi Suri Rumah, Dayang Rafidah Awang Ubi, penganjuran program tersebut memberi manfaat besar kepada mereka terutama dari sudut ekonomi kerana baucar tersebut mampu digunakan sepenuhnya untuk kegunaan Hari Raya anak-anak.

Dayang turut menzahirkan ucapan terima kasih kepada pihak penaja program kerana telah meringankan beban mereka yang terdiri daripada keluarga asnaf.

"Ia beri manfaat sebab boleh mengurangkan beban pada masa ini kerana ekonomi pun tidak menentu.

"Kami berterima kasih untuk yang menaja baucar raya dari PEKEMA sebab banyak membantu keluarga yang asnaf dan yang mualaf," jelasnya.

Manakala bagi Penerima Baucar, Abang Mohamad Nazran, dia amat teruja terpilih untuk Program Juh "Shopping Raya" kerana diberi peluang memilih sendiri dan membeli pakaian menyambut Hari Raya.

Jelasnya, baucar tersebut akan digunakan sepenuhnya untuk membeli keperluan rayanya seperti baju raya, kasut dan jam tangan.

"Saya berasa gembira kerana dapat membeli baju raya, kasut dan jam tangan," jelasnya. -TVS

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## Elder financial abuse and neglect on the rise

By CHARLES RAMENDRAN

PETALING JAYA: The growing number of elderly in Malaysia has prompted the question: Are they ageing with dignity?

Going by statistics, many end up neglected, abandoned or are staring down financial ruin.

According to the Women, Family and Community Development Ministry, almost 16% of the 30,228 cases of domestic violence reported from 2020 till January this year involved elderly victims.

It also pointed out a worrying trend of more older folk becoming victims of financial abuse.

The ministry said that older people are vulnerable to financial abuse due to their diminished mental capacity, social isolation, generally low education and lack of awareness about scams.

The ministry said that abuse against the elderly is addressed under laws such as the Domestic Violence Act, but plans are underway to introduce specific legislation to further protect seniors.

"The ministry has completed a study for the development of a specific Act for this group. We are examining all aspects to ensure the welfare of senior citizens in the country is safeguarded," the ministry told The Star.

Various parties will need to be consulted to develop a framework for the law, it said.

According to the Statistics Department, about 11.6% (3.9 million) of Malaysia's population last year comprised those aged 60 and above.

It has also projected that Malaysia would become an "aged nation" within 15 years when more than 17% of the population is aged 60 and above by 2040.

To help older people in need, the ministry said that Talian Kasih, a round-the-clock helpline is available for those who require counselling, need to report abuses or even to seek shelter.

The ministry said senior citizens can also report financial scams via helplines run by the National Anti-Financial Crime Centre and CyberSecurity Malaysia.

Furthermore, the Welfare Department runs activity centres for older folk by providing awareness programmes on financial scams and asset management, among others.

A study conducted by the Credit Counselling and Debt Management Agency titled "Elder Financial Abuse: Protecting and Empowering Our Seniors" found that exploiting old folk financially was the most prevalent form of abuse out of the five types that were identified.

The other forms of abuse are psychological, physical, sexual and neglect.

The report said financial abuse was under-reported, with about one out of every 100 Malaysian seniors having gone through it.

Those who are vulnerable to financial and psychological abuse are usually men, low-income earners and those living alone.

Due to their limited finances, these older people are susceptible as their children face greater economic pressure as caregivers.

The study also showed that the risk of financial abuse increases with age, with those aged 70 and older being at greater risk.

Senior citizens who are socially isolated, suffer ill-health or are cognitively impaired were also likely to be ill-treated.

The study found that one out of every three elder victims would not share their plight with anyone, mainly because they were in denial and were hesitant about implicating their loved ones to avoid shaming the family. They were also clueless about where to seek help.

Furthermore, the report pointed out that longer lifespans have led to a growing number of elderly people experiencing cognitive impairments such as dementia, as well as physical limitations that require the assistance of a daily caregiver.

"These conditions are conducive for elderly abuse and neglect including financial abuse," it said.

According to the report, digital technology like online banking and virtual transactions made financial exploitation even easier.

"For instance, family members who manage an older adult's finances may be given access to their bank card and online password," the report said.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## The continuing fight against gender-based violence

16 Mar 2025



JUAN PABLO SERRANO ARENAS/ PEXELS

The Ministry of Women, Family and Community Development recently reported that cases of domestic violence have hit a three-year high, with over 7,000 cases in 2024.

It is also important to note that violence against women and girls can be perpetrated physically or online.

BFM talks to Jayamalar Samuel, the capacity building director of All Women's Action Society (Awam), about what needs to be done to address this.

▶ 0:00 / 10:50 ———— 🔊 ⋮

*Presented by: Wong Shou Ning and Keith Kam*

*Produced by: Natalie Tan/BFM*



# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



GAMBAR hiasan.

## 883 taska berdaftar dengan JKM kembali beroperasi

FUAD

SELASA, 16 JUN 2020 @ 13:29

SEPAANG 16 Jun – Sebanyak 883 taska di rumah yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah kembali beroperasi selepas ditutup berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Rina Mohd Harun berkata daripada jumlah itu, 387 telah menjalani pemeriksaan JKM dan didapati mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan.

Antara SOP yang ditetapkan ialah ibu bapa atau penjaga harus memastikan si anak berada dalam keadaan sihat ketika dihantar ke taska, katanya.

“Setakat ini, pemeriksaan mendapati taska di rumah mematuhi pelaksanaan SOP terbabit,” katanya kepada pemberita selepas melawat Taska Afiqah Amniyah di Taman Arked, Dengkil, hari ini.

Taska di rumah menempatkan kanak-kanak berusia empat tahun ke bawah dengan jumlah maksimum sembilan orang bagi setiap premis.

Sementara itu, Rina berkata mereka yang hilang pekerjaan ekoran pandemik Covid-19 serta berminat untuk menjadi pengasuh kanak-kanak atau menjadi pengusaha taska digalakkan mengikuti Kursus Asuhan dan Didikan Awal Kanak-kanak (KAP).

Kerajaan melalui Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) meluluskan bayaran insentif KAP sebanyak RM900 bagi setiap peserta dan mereka yang berminat boleh memohon untuk mengikuti kursus KAP menerusi laman web JKM, katanya.

Kursus KAP terbuka kepada warganegara Malaysia berusia 18 tahun ke atas yang berminat untuk bekerja dalam industri pengasuhan kanak-kanak dan terbuka kepada pengasuh taska yang belum menghadiri dan lulus KAP.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## Wujudkan suruhanjaya keselamatan dalam talian, lindungi kanak-kanak

Tan Sri Lee Lam Thye - Mac 16, 2025 @ 11:19am  
bhrencana@bh.com.my



Foto hiasan

SEIRING dengan perkembangan pesat landskap digital, Pertubuhan Ikatan Komuniti Selamat menyeru kerajaan supaya mengambil langkah segera dan konkrit untuk melindungi kanak-kanak daripada kandungan dalam talian berbahaya serta memperkasakan ibu bapa dengan alat diperlukan untuk memantau serta membimbing aktiviti digital anak-anak mereka.

Internet, walaupun menjadi alat berkuasa untuk pendidikan dan perhubungan, ia juga tempat berlakunya risiko seperti buli siber, kandungan tidak sesuai, pemangsa dalam talian dan algoritma yang menyebabkan ketagihan.

Tanpa perlindungan kukuh, kanak-kanak semakin terdedah kepada ancaman ini, yang boleh memberi kesan jangka panjang terhadap kesihatan mental, perkembangan dan keselamatan mereka.

**Pertama**, mengukuhkan peraturan mengenai kandungan berbahaya.

Kerajaan mesti menguatkuasakan peraturan lebih ketat ke atas syarikat teknologi dan platform media sosial untuk memastikan mereka mengutamakan keselamatan kanak-kanak.

Ini termasuk melaksanakan sistem pengesanan umur, membuang kandungan berbahaya dan memastikan platform bertanggungjawab jika gagal melindungi pengguna muda.

**Kedua**, menggalakkan kod reka bentuk sesuai umur.

Undang-undang harus mewajibkan platform digital mengamalkan prinsip reka bentuk sesuai dengan umur, memastikan algoritma dan kandungan disesuaikan dengan keperluan perkembangan kanak-kanak dan remaja.

**Ketiga**, melabur dalam program literasi digital.

Kerajaan harus membiayai kempen literasi digital di peringkat kebangsaan untuk mendidik kanak-kanak, ibu bapa dan pendidik terhadap risiko dalam talian serta amalan selamat menggunakan internet.

Sekolah harus mengintegrasikan pendidikan kewarganegaraan digital ke dalam kurikulum untuk membekalkan kanak-kanak dengan kemahiran mengemudi dunia dalam talian secara bertanggungjawab.

**Keempat**, menyediakan alat pemantauan untuk ibu bapa.

Kerajaan harus bekerjasama dengan syarikat teknologi untuk membangunkan dan mengedarkan alat kawalan ibu bapa berpatutan atau percuma.

Alat ini harus membolehkan ibu bapa memantau masa skrin, menapis kandungan tidak sesuai dan mengesan aktiviti dalam talian anak-anak tanpa menjejaskan privasi.

**Kelima**, menubuhkan suruhanjaya keselamatan dalam talian khas.

Suruhanjaya perlu ditubuhkan untuk mengawasi keselamatan dalam talian kanak-kanak, menjalankan audit berkala terhadap platform digital dan menyediakan sumber untuk keluarga menangani risiko dalam talian.

**Keenam**, menggalakkan ketelusan daripada syarikat teknologi.

Syarikat teknologi harus diwajibkan untuk mendedahkan bagaimana algoritma dan sistem moderasi kandungan mereka memberi kesan kepada kanak-kanak. Laporan ketelusan harus disediakan untuk umum bagi memastikan akauntabiliti.

**Ketujuh**, menyokong sumber kesihatan mental.

Peruntukan lebih besar harus disalurkan kepada perkhidmatan kesihatan mental yang menangani kesan psikologi daripada bahaya dalam talian, seperti buli siber dan ketagihan media sosial.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## Mangsa tanah runtuh masih menanti bantuan kewangan NADMA

© March 16, 2025, Ahad - 8:12pm



Penduduk Kampung Lereng Bukit bergambar bersama selepas berbuka puasa di restoran East Meet West Food Republic di Lutong malam Sabtu.

MIRI: Penduduk Kampung Lereng Bukit yang terjejas akibat kejadian tanah runtuh pada awal tahun ini masih belum menerima maklumat terkini tentang bantuan tunai RM1,000 yang dijanjikan Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) kepada mereka.

Salah seorang penduduk, Awang Mohidi Awang Alam berkata, ramai mangsa termasuk beliau masih menunggu dan tertanya-tanya tentang status bantuan itu.

Awang Mohidi berkata, penduduk yang terjejas telah melengkapkan borang yang diperlukan untuk mendapat bantuan itu sejak 28 Januari lalu.

“Bagaimanapun, kami masih belum menerima sebarang bantuan kewangan daripada NADMA. Tiada maklum balas, tiada perkembangan jelas berhubung bantuan RM1,000 itu. Orang di kampung terus bertanya mengenainya,” dakwanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita setelah menghadiri majlis berbuka puasa di restoran East Meet West Food Republic di Lutong malam Sabtu yang ditaja Miri Technical College.

Menurut Mohidi lagi, penduduk juga telah mengutarakan perkara itu kepada beberapa pihak berkaitan tetapi masih belum berjaya mendapat jawapan jelas mengenainya.

“Kita masih belum tahu status bantuan ini. Kita juga tidak tahu hendak bertanya kepada siapa lagi kerana NADMA tidak mempunyai pejabat di Miri,” jelasnya.

Beliau memberitahu, sebanyak 13 rumah telah terjejas dan semua mangsa telah membuat permohonan bantuan.

Bantuan kewangan itu boleh digunakan oleh mangsa untuk mengurangkan beban perbelanjaan memperbaiki kerosakan kediaman mereka.

Ketua Kaum Othman Ahmad berkata, NADMA telah membantu mangsa dengan menghulurkan derma berupa barangan seperti selimut, periuk nasi elektrik, tuala dan kain.

Beliau juga berharap bantuan kewangan NADMA dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dapat segera diagihkan kepada mangsa.

Selain itu, Othman juga menggesa pihak berkuasa membantu membersihkan parit-parit kampung yang masih dipenuhi dengan tanah.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## Wanita ditinggalkan suami selepas derita kanser payudara, tak mampu bekerja sara dua anak

 MOHD ISKANDAR OTHMAN [Follow](#)

16 Mac 2025 03:12pm



Noraniza kini tinggal bersama dua orang anaknya termasuk seorang yang menghidap Down Sindrom.

BUKIT MERTAJAM - Dugaan bertimpa-timpa terpaksa dilalui seorang isteri apabila diceraikan suami selepas menjalani pembedahan membuang sebelah payudara akibat kanser tahap tiga dua tahun lalu.

Noraniza Ismail, 48, berkata, dia terpaksa menjalani pembedahan tersebut atas nasihat doktor bagi mengelakkan kanser merebak, namun tindakan itu menyebabkan suaminya meninggalkannya.

"Ketika saya bertarung nyawa melawan kanser, saya sangat mengharapkan sokongan suami namun, dia memilih untuk meninggalkan saya," katanya ketika dihubungi Sinar Harian di sini pada Ahad.

Noraniza berkata, dia pasti tidak akan melupakan tarikh 29 Oktober 2024 apabila dia diceraikan oleh suaminya dan kini membesarkan dua anak sendirian termasuk seorang anak istimewa menghidap sindrom Down, Farisha Aulia Izzatul Nisa, 9 dan anak kedua, Falisha Auni Az Zahra, 7.

Lebih menyedihkan, selepas melalui pembedahan, rawatan kemoterapi dan radioterapi, sel kansernya kembali aktif.

Jelasnya, keadaan itu menyukarkan dirinya untuk mencari rezeki bagi menyara anak-anak.

"Saya hanya bergantung kepada jualan nasi lemak yang diletakkan di kedai-kedai, tetapi selepas kanser saya kembali, saya tidak mampu lagi berniaga.

"Saya pernah menuntut RM500 sebulan di mahkamah syariah untuk anak-anak, tetapi dia yang bekerja sebagai pemuzik tidak mengendulkannya," katanya.

Buat masa ini, Noraniza berkata, dia hanya bergantung kepada bantuan zakat bagi bayaran sewa rumah serta bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) untuk anak istimewanya.

"Dengan duit bantuan itulah saya berjimat. Nak buat persiapan Aidilfitri pun tak mampu," katanya.

Tambahnya, keadaannya kini semakin sukar kerana perlu kerap berulang-alik ke hospital untuk pelbagai ujian susulan selepas kansernya kembali menyerang.

Orang ramai yang ingin membantu meringankan bebannya, sumbangan boleh disalurkan ke akaun Maybank atas nama Noraniza Ismail (557090808187).

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : POLIS BUKA KERTAS SIASATAN

HARI : ISNIN

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 17 MAC 2025

M/SURAT : 06

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

**Kuala Lumpur:** Polis membuka satu kertas siasatan berhubung seorang pembantu pengurusan murid mengasari seorang murid autistik di sebuah sekolah rendah di Kelana Jaya.

Ketua Polis Daerah Petaling Jaya Asisten Komisioner Shahrulnizam Ja'afar berkata, pihaknya mengesan video dimuat naik dalam aplikasi TikTok

## KASARI MURID AUTISTIK

### *Polis buka kertas siasatan*

yang memaparkan kejadian melibatkan kanak-kanak autistik berumur tujuh tahun itu pada 3 petang kelmarin.

“Susulan itu, Bahagian Siasatan Jenayah Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Petaling Jaya telah mem-

buka satu kertas siasatan berhubung kejadian berkenaan,” katanya.

Beliau berkata, ibu kepada murid terbabit juga telah hadir memberi keterangan kepada polis hari ini dan kes disiasat mengikut Seksyen 31(1) Akta

Kanak-Kanak 2001.

Orang ramai yang mempunyai sebarang maklumat berkaitan kes itu diminta tampil ke balai polis berhampiran atau berhubung terus dengan bilik gerakan IPD Petaling Jaya melalui talian [03-79662222](tel:03-79662222).